



Buletin Kelab

Marilah menyertai Asuan '05 dengan menghubungi Jabatan masing-masing.

SUKAN KAKITANGAN 2005 (ASUAN '05)

Sukan Kakitangan 2005 akan diadakan pada **28hb Mac hingga 15hb April 2005**. Kejohanan ini adalah anjuran Kelab Kebajikan Kakitangan Pusat Matrikulasi UIAM, melalui Biro Rehlah dan Riadah lelaki dan wanita. Tujuan diadakan adalah bagi mengeratkan tali silaturahim diantara kakitangan pentadbiran khususnya dan akademik amnya. Ianya dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah seperti berikut:

Kakitangan Lelaki

KUMPULAN A	KUMPULAN B
<p>Jabatan</p> <ol style="list-style-type: none"> SECURITY + MAINTENANCE. RMDD. FINANCE + STAD + LTD. 	<p>Jabatan</p> <ol style="list-style-type: none"> ITU + A&R. HR + ADMIN + SCIENCE PROGRAME. ICT + ELD + QLD + LIBRARY. + SCIENCE DEPT+LAWS + ECONS + LANGUAGES.

Kakitangan Wanita

Kumpulan B
<p>Jabatan</p> <ol style="list-style-type: none"> RMDD. LAWS+ LIBRARY + SECURITY. ITU + ARTS PROG + FINANCE + A&R. HR + LTD + STAD QLD + SCIENCES PROG + IRKHS + ECONS + LANGUAGES.

Kandungan Buletin

Tazkirah	2
Kelahiran/perkawinan	2
Petua	3
Soal Jawab Agama	3
Minum Arak	3
Bersama Pengerusi	4
Mahir I.T	4

Carilah Manisnya Amal

Kalau kamu telah mendapatkannya, maka bergembiralah dan teruslah mencari tujuan dan jika kamu belum mendapatkannya maka ketahuilah pintu masih tertutup rapat. Tiga perkara itu ialah:-

- Ketika kamu membaca Al-Quran.
- Ketika kamu berzikir
- Ketika kamu bersujud



Bacalah Al-Quran

Makanan Yang Dimasak Mengikut Kandungan Kalori

Makanan
Sangat Tinggi (> 600 Kcal)
Nasi goreng (dengan telur, ayam dan telur)
Tinggi (401 – 600 kcl)
Mi bandung, Kueh tiau bandung, Mi hoon bandung
Me Kari
Nasi dagang
Nasi briyani (nasi sahaja), Nasi Minyak
Sederhana (101 – 400 kcl)
Nasi lemak
Mi sup,
Roti telur
Kueh tiau goreng, Mihoon goreng, Mi goreng
Roti Canai,
Capati,
Nasi ayam,
Putu bamboo,Dosai.

KESIHATAN

Hidangan	Berat
1 Pinggan	330
1 Pinggan	450
1 Pinggan	410
1 Pinggan	250
1 Pinggan	245
1 Pinggan	230
1 Pinggan	563
1 Pinggan	135
1 Pinggan	170
1 Pinggan	95
1 Pinggan	100
1 Pinggan	250
1 Pinggan	85,66

AJK KELAB

Aktiviti-Aktiviti Dirancang Pada Tahun 2005

Biro Hal-Ehwal Wanita.

1. Kelas Kemahiran Diri - Memasak, Menjahit, Kraftangan.
2. Bengkel Kewanitaan - Kesihatan, Keilmuan, Kecantikan.
3. Hari Wanita - Bekerjasama dengan Jabatan Human Resource . Sempena Hari Wanita sedunia.
4. Program-program bersama-sama dengan Ladies Academic Club Pusat Matrikulasi UIAM.

Biro Rehlah & Riadah (Wanita).

1. Menyertai Pertandingan Sukan Antara Jabatan di UIAM.
2. Aktiviti Sukan Kakitangan (ASUAN'05).
3. Kejohanan Dalam Dewan.
4. Pertandingan Bowling Pusat Matrikulasi UIAM 2005.
5. Sukaneka Hari Keluarga 2005.

Biro Pendidikan.

1. Ceramah Kefahaman Islam dan Pegetahuan Am.
2. Lawatan ke IKIM.
3. Program Ihya' Ramadhan 1426H - Ceramah, Tazkirah, Tadarus Al-Quran.
4. Bengkel Kanak-Kanak, Kelas Al-Quran dan Fardhu 'Ain untuk anak-anak ahli - Setiap hari Sabtu bekerja.

Biro Hal-Ehwal Wanita.

- Pn. Kalsom Wan Adam. – Ketua.
Pn. Faridah mohamad. - Setiausaha.
Pn. Nooraini Mohd. Yousof.
Pn Azizah Mohd Zaidan.
Pn. Martini Marzuki.
Pn. Junaidah Hassan.
Pn. Norhayati Abdullah.

Biro Rehlah & Riadah (Wanita).

1. Pn. Nor Ruhaidah Mohamed - Ketua.
2. Pn Suzila Alias - Setiausaha.
3. Pn. Asniza Mamat.
4. Cik. Zuzana Abd Latiff.
5. Cik. Zaireen Zalinashila Hj. Ayub.
6. Pn. Nor Faiezah Abu Seman.
7. Pn. Rohaniza Mat Badar.

Biro Pendidikan.

1. En. Mokhtar Ahmad - Ketua.
2. Ust Ahamad Nazri Abdul Razak- Setiausaha.
3. En. Wahab Rostam.
4. En Mat Salleh Sajak.
5. Pn. Fatimah Man.

**Buletin ini
boleh di lihat
di laman web
kelab dengan
lebih jelas**



MATRIC FC - Pertama

MUTIARA KATA

**Setitik dakwat mampu membuat se-
juta manusia berfikir tentangnya**

TAZKIRAH

Amalan Ayat & Surah Serta Kebaikannya

(1) BISMILLAH (Dengan Nama Allah)

Barangsiapa membaca sebanyak 21 kali ketika hendak tidur, nescaya terpelihara dari godaan dan gangguan syaitan, dari bencana manusia dan jin, daripada kecurian dan kebakaran, dan daripada kematian terkejut. Barang siapa membaca sebanyak 50 kali di hadapan orang yang zalim, hinalah dan masuk ketakutan dalam hati si zalim serta naiklah keberanian dan kehebatan kepada pembaca.

(2) SURAH AL-FATIHAH (Pembukaan)

Barangsiapa membacanya sebanyak 41 kali diantara sembahyang sunatnya, nescaya permintaannya di perkenankan, jika sakit lekas sembuh dan nescaya dikasihi oleh makhluk dan ditakuti oleh musuh. Barang siapa membaca 20 kali sesudah tiap-tiap sembahyang fardhu, nescaya rezekinya dilapangkan oleh Tuhan dan bertambah baik keadaannya, serta

bercahaya rohaninya.

(3) SURAH AL-BAQARAH (Sapi Betina)

Barangsiapa membaca dua ayat terakhir dari surah ini (Amanarrasulu) sebelum tidur, ia akan terselamat dari segala bala bencana dan mara bahaya.

(4) SURAH ALI-IMRAN (Keluarga Imran)

Barangsiapa membaca tiga ayat yang pertama dari surah ini, nescaya ia akan mencapai kesihatan dari segala penyakit dan terselamat dari gangguan jin.

(5) SURAH AN-NISSA' (Perempuan).

Barangsiapa yang membaca ayat yang ke 75 dari surah ini, nescaya ia akan terselamat dari kejahatan para penjahat.

TAHNIAH

KELAHIRAN CAHAYA MATA / PERKAHWINAN

Roslinda Mohd Yusof dan pasangannya **Azrel Azmi b. Miswan** Dari Kolej Zainab al Jahsyi
Selamat mendirikan rumah tangga pada tanggal 13 Januari 2005

Norazila bt Hussain

Architecture Department
Melahirkan anak yang ke 4 (lelaki) pada 19 Desember 2004.
Nama anak : **Muhammad Haziq Asyraf b Hamzah**

Anuar Pandak telah selamat menimang cahayamata yang ketiga
20 Januari 2005 (malam Hari Raya Qurban)
Nama anak : **Muhammad Afiq b. Anuar**

Mohd Zahid Baharum telah selamat menimang cahayamata yang kedua, pada tanggal 28 Disember 2004

Nama anak : **Ahmad Amirul Aiman b. Mohd Zahid**

Zainun Johar bercuti panjang bermula 7 Mac 2005 hingga hujung Mac 2006.

Mengikut suami yang telah berpindah ke Pula

Amran Yusri Ahmad Shah telah selamat me pertama pada tanggal 11 Mar 2005 di Negeri

Nama anak : **Haziq Fauzan b Amran Yusri**



**Anugerah dan Amanah
dari Allah**

SOAL JAWAB AGAMA

Assalamualaikum w.r.b w.b.t

Di sini saya ada 1 kemusykilan yang telah sekian lama tersimpan dalam fikiran:

1) Apakah hukumnya membaca Al-Quran jika kita tidak mengkhataminya dahulu? Saya seorang yang suka membacanya kerana supaya terus dapat di beri hidayah Allah s.w.t. tapi satu ketika dahulu ada seorang ustazah mengatakan jika kita tak khatam Quran, makruh atau haram hukumnya, saya pun tak pasti. Kemudian, saya bertanya lagi kepada ustazah yang lain, dan dia mengatakan yang sama dan menggalakkan saya khatam Quran dahulu. Memandangkan saya tidak ada masa lagi untuk berguru, perkara ini telah menghalang saya sementara dari terus membacanya. Namun, apabila saya berbincang dengan kawan saya., mereka berpendapat bahawa perkara ini salah. Oleh itu saya berharap pihak anda dapat menjawab kemusykilan ini dengan jelas.

MEMBACA AL-QURAN

Jawapan:

Kita digalakkan supaya memperbanyakkan bacaan al-quraan sebagaimana hadis Rasulullah yang bermaksud: "*Bacalah Al-Quraan kerana al-Quraan dapat memberi syafaat kepada orang yang membacanya pada hari kiamat*" Riwayat muslim

Pendapat yang mengatakan kita perlu mengkhatamkan dahulu sebelum membacanya adalah tidak tepat. Tidak ada nas Al-Quran mahupun hadis yang menyatakan demikian. Cuma pada pandangan saya, apa yang dimaksudkan oleh Ustazah tersebut adalah kita mengkhatamkan al-quran dihadapan guru mahir tentang ilmu tajwid supaya kita dapat menguasai ilmu tajwid dan dapat membaca al-quran dengan cara yang betul dan bertepatan dengan bacaan sebagaimana ianya diturunkan oleh Allah Taala. Allah Taala berfirman didalam Al-Quran : "*Bacalah al-Quran dengan penuh tartil (bertajwid)*"

Manakala hukum mempelajari ilmu tajwid adalah fardhu kifayah dimana jika ianya dipelajari oleh seorang maka semua tidak berdosa. Hukum membaca al-Quran dengan bertajwid pula adalah fardhu ain keatas semua orang islam.

Orang yang membaca al-Quraan dapat digolongkan kepada tiga golongan :

Golongan pertama: Orang yang membaca Al-Quraan dengan pembacaan yang baik, mereka akan diganjar dengan pahala. Bacaannya adalah diambil daripada guru yang mahir yang silsilah pembacaannya sampai kepada Rasulullah SAW dan membacanya dengan sebutan bahasa Arab yang fasih.

Golongan inilah yang disebut oleh Rasulullah Saw dalam hadisnya yang bermaksud: "*Mereka yang membaca Al-Quraan dan dia mahir membacanya , dibangkitkan pada hari kiamat bersama dengan malaikat yang bernama "As-sufratul kiraam al burdah"*.

Golongan kedua: Mereka yang di maafkan. Golongan ini terdiri daripada mereka yang lidahnya telah keras yang tidak dapat membaca dengan sebutan yang betul tetapi dia berusaha serta mereka yang tidak ada orang yang sanggup untuk mengajar. Mereka inilah yang disebut oleh Rasulullah SAW didalam hadisnya yang bermaksud: "*Mereka yang membaca Al-Quraan sedangkan bacaan tersekat-sekat dan susah untuk membacanya. Padanya dua pahala. Pahala bacaan dan pahala usaha membacanya walaupun tersekat ."*

Manakala golongan ketiga: Golongan yang buruk pembacaannya dan mampu untuk membacanya dengan betul dengan belajar tetapi dia takabbur dan menganggap bacaannya adalah betul. Golongan ini adalah golongan yang berdosa.

Wallahuaklam..

MINUM ARAK PUNCA SEGALA KEJAHATAN

Dosa mana-kah, minum minuman yang memabukkan, berzina atau membunuh. Itulah teka-teki sebagai inti khutbah Khalifah Ustman bin Affan r.a seperti yang diriwayatkan oleh Az-Zuhriy, dalam khutbah Ustman itu mengingatkan umat agar berhati-hati terhadap minuman khamr atau arak. Sebab minuman yang memabukkan itu sebagai pangkal perbuatan keji dan sumber segala dosa. Dulu hidup seorang ahli ibadah yang selalu tekun beribadah ke masjid, lanjut khutbah Khalifah Ustman. Suatu hari lelaki yang soleh itu berkenalan dengan seorang wanita cantik. Kerana sudah terjatuh hati, lelaki itu menurut sahaja ketika disuruh memilih antara tiga permintaannya, tentang kemaksiatan.

Pertama minum khamr, kedua berzina dan ketiga membunuh bayi. Mengira minum arak dosanya lebih kecil daripada dua pilihan lain yang diajukan wanita pujaan itu, lelaki soleh itu lalu memilih minum khamr. Tetapi apa yang terjadi, dengan minum arak yang memabukkan itu malah dia melanggar dua kejahatan yang lain. Dalam keadaan mabuk dan lupa diri, lelaki itu menzina pelacur itu dan membunuh bayi di sisinya. Untuk mengelakkan hal demikian hindarilah khamr, kerana minuman itu sebagai biang keladi kepada perbuatan dosa. Ingatlah, iman dengan arak tidak mungkin berkuatkuasa. Bersatu dalam tubuh manusi. Salah satu di antaranya harus keluar. Orang yang mabuk mulutnya akan mengeluarkan kata-kata kufur, dan jika menjadikannya kebiasaan sampai akhir hayatnya ia akan kekal di neraka.

Doa memberikan kekuatan pada orang yang lemah, membuat orang tidak percaya menjadi percaya dan memberikan keberanian pada orang yang ketakutan

PETUA

Merawat Muka Yang Kasar Dan Bintik Hitam

Ambil mentimun, parut dan perah lalu diambil airnya. Gunakan air tersebut untuk mencuci muka sebelum tidur di siang hari, kalau rasa kurang berkesan, tampalkan hampas timun tersebut pada muka.

Pada waktu siang hari mandilah dengan air hangat dan cucilah dengan air tersebut, buatlah setiap hari hingga hilang penyakit tersebut.

Menghilangkan Bintik-Bintik Hitam Dari Kesan Campak Di Muka Atau Lainnya.

Ambillah jagung muda, parutkannya kemudian gosokkan ke

tempat yang terlibat, buatlah beberapa hari.

Cegah Mata Dari Rabun (Dekat/Jauh)

Makan lobak putih dan biasakan melihat pandangan sawah, gunung-ganung dan lain-lainnya.

Menyembuhkan Penyakit Rabun Ayam

Bangun pagi-pagi lagi, sebelum melakukan apa-apa pergilah ke bilik mandi, siramkan kaki anda dengan air sejuk, apabila kaki anda sudah merasa sejuk lalu siramkanlah ke bahagian seluruh tubuh anda. Lakukan selama 2 bulan. Insya' Allah akan sembuh.

Biro Penerbitan

Penasihat

En. Mat Nasir Ismail

Ketua Editor

En. Mohamed Amin Hj Ismail

Pen. Editor 1

En. Mohd Faisal Mohd Sukim

Pen. Editor 11

En. Ahmad Hidayat Bin Ahamd Sabi

Setiausaha Penerbitan

Pn. Norhaliza Aini Bt Zainal Abidin

AJK penerbitan

En. Mohd Khairi Bin Hassan

En. Ridwan Bin Jaafar Sidek

En. Reduwan Bin Mohd Noor

En. Ahamd Nadzri Bin Abdul Razak

Cik Syarifah Hafilah Said

Maarmor

Pn. Ruhaidah Musa



BERSAMA PENERUSI

Nama: **Mat Nasir Ismail**

No. Kakitangan: 1713

Jawatan Di UIA: Penolong Pegawai Tadbir Kanan sejak 1992

Jawatan Di Kelab: Pengerusi

Alamat : 115, UKC II, Pusat Matrikulasi sejak 1999, setelah berpindah dari UIA Trengganu. Bertugas di UIA Terengganu selama 2 tahun sebelum ianya di tutup.

Berapa Lama Menjadi Ahli Kelab: sejak 1999

Tarikh Lahir : 22 Mei 1960

Tempat Lahir : Kg. Pintu Gang, Kota Bharu D.N

Email : matnasir@iiu.edu.my

Berapa Cahaya Mata: 4 semuanya. Nurul Hidayah (17) Muhammad Taufiq (10), Nadrah (meninggal semasa berumur 7 hari) dan Muhammad Ehsan (6 tahun)

Harapan Terhadap Kelab: Agar kelab dapat membimbing ahli ke arah kebaikan dan kebajikan. Berganding bahu meningkatkan profesionalisma dalam membina kecemerlangan ummah sejagat. Ahli harus komited dan cakna dalam setiap tanggungjawab.

Kenangan Manis Bersama Kelab : Berjaya menguruskan 2 Hari Keluarga, 2002 dan 2004.

Kenangan Pahit Bersama Kelab: Gagal melaksanakan Hari Keluarga 2003 dan bila tahu ada ahli yang masuk wad dan dah keluar tanpa diziarahi.

Harapan Kepada Kelab: Lebih professional dalam segala segi dan mampu berdiplomasi. Setiap Biro harus ada " strategic business plan" sendiri yang sedaya mungkin.

Wrt. wbt.,



Sekiranya ada sesiapa yang ingin mengemukakan pandangan , cadangan dan artikel untuk dimuatkan ke dalam Buletin sila kemukakan kepada AJK Biro Penerbitan yang tertera diatas

Mahir I.T

PERSONAL DIGITAL ASSISTANT (PDA)

Selain daripada notebook. PDA juga merupakan "komputer" mudah alih yang sangat popular digunakan. Ini adalah kerana saiznya yang kecil dan ringan menjadikan ia sebagai pilihan utama pengguna terutama bagi mereka yang sering terlibat dengan kerja-kerja luar. Untuk pengetahuan anda PDA adalah merupakan peranti mudah alih yang berasaskan pemusatan data dimana fungsi utama PDA ialah untuk menginput dan mencapai data. Kebanyakan organisasi atau syarikat-syarikat besar yang terlibat dengan perkhidmatan pelanggan seperti perkhidmatan pelaburan, logistik, kurier dan kesihatan menggunakan PDA sebagai perkakasan utama bagi melicinkan aktiviti mereka. Berbeza dengan notebook, PDA lebih mudah digunakan kerana ia mempunyai fungsi pengecaman tulisan tangan, oleh itu data lebih mudah diinput.

Ada juga PDA yang dilengkapi dengan papan kunci mini atau papan kunci bina dalaman sebagai pilihan kepada pengguna yang lebih selesa menginput data menggunakan kaedah papan kunci. Pada masa ini, terdapat pelbagai jenis PDA dipasaran samada dari segi bentuk, model, jenama dan sistem operasi yang digunakan. Jadi, bagaimana hendak mengenali jenis-jenis PDA ini dan memilih?

Kategori PDA boleh dibahagikan kepada tiga iaitu pertama, sistem operasi yang digunakan, kedua bentuk fizikal dan ketiga ialah jenis paparan. Mula-mula kita lihat dulu sistem operasi yang digunakan dalam kebanyakan PDA yang terdapat dipasaran seperti Palm OS. PDA yang menggunakan operasi Palm ini ialah SonyVlie PEG NX70V. Selain dari itu ada juga menggunakan Microsoft CE iaitu Pocket PC contohnya IPAQ, Symbian yang menggunakan sistem telefon dan juga RIM yang lebih kepada e-mel.

Bentuk fizikal dikategorikan kepada dua bentuk iaitu bentuk tablet yang mempunyai skrin besar dan clamshell (mempunyai penutup). Biasanya ia mempunyai papan kunci mini untuk memasukkan data.

Kategori yang terakhir ialah dari segi paparan iaitu sama berwarna atau tidak berwarna (hitam-putih). Terdapat juga keperluan lain seperti keperluan piawan tanpa wayar seperti Bluetooth dan WLAN. Mungkin kita me-

ang dilengkapi dengan telefon dan kamiran yang berguna untuk mereka yang selalu aktifiti seperti seminar dan urusan



Teknologi terkini